



MUARA sungai yang berlumpur setiap kali air surut menyukarkan bot bergerak hingga menyebabkan kerosakan.

15 nelayan terkandas air surut dipenuhi lumpur

Sabak Bernam: Seramai kira-kira 15 nelayan pesisir pantai terkandas selama lebih tiga jam di tengah laut, semalam, berikutan pintu air Parit 10, Pasir Panjang di sini, tidak dibuka sejak lima hari lalu.

Mangsa mendakwa kawasan jeti itu kering dan dipenuhi lumpur ketika air surut hingga menyukarkan bot mereka memasuki muara sungai.

Pintu air yang berfungsi mengeluarkan air dari sawah didakwa jarang dibuka hingga menyebabkan muara sungai berdekatan menjadi kering dan berlumpur.

Nelayan, Nasir Sapari, 34, berkata dia yang mula keluar ke laut sejak jam 7 pagi semalam hanya pulang ke rumahnya kira-kira jam 12 tengah hari.

"Kalau air surut sekali

pun, kami masih dapat pulang ke darat kerana pintu air dibuka sebelum ini. Namun, kini kami terpaksa menunggu selama beberapa jam untuk pulang ke rumah.

"Kami terpaksa berlapar di tengah laut dalam keadaan cuaca panas. Jika keadaan itu berlaku, kami akan mematikan enjin bot dan tunggu hingga air pasang di muara sungai," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Bagi Mohd Samsul Nizam, 28, dalam tempoh dua bulan, beberapa kali enjin bot miliknya mengalami kerosakan kerana kerap meredah lumpur.

"Saya bukan sengaja mahu meredahnya tetapi terpaksa kerana terlalu lama untuk menunggu air pasang," katanya.